



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA (26 MAC 2021)

1. LAPORAN HARIAN

A. Status Kes COVID-19 Di Dalam Wad Hospital Dan Masih Di Bawah Pengawasan Perubatan (Kes Aktif)

Hari ini terdapat **250** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj iaitu dari Hospital Sibu (72), Hospital Miri (49), Hospital Bintulu (48), PKRC di bawah Hospital Kapit (28), PKRC Betong (25), Hospital Umum Sarawak (19), Hospital Sarikei (5), PKRC Serian (2), Hospital Sri Aman (1) dan PKRC Mukah (1). Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih atau dibenarkan discaj setakat hari ini adalah seramai **12,351** orang atau **81.39%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Manakala, **213 PUI** baru telah dilaporkan dan **tiada PUI** yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

B. Kes Baharu COVID-19.

Hari ini terdapat **213 kes baharu COVID-19** dikesan di Sarawak. Daerah-daerah yang melaporkan kes adalah Daerah Bintulu (46), Miri (39), Sibul (35), Kuching (23), Serian (23), Kapit (14), Samarahan (11), Julau (8), Sarikei (6), Sri Aman (6), Limbang (1) dan Tebedu (1). Ini menjadikan jumlah keseluruhan **meningkat kepada 15,176 kes.**

Daripada **213 kes** baharu yang dilaporkan, seramai **31 orang** telah menunjukkan tanda dan mengalami gejala jangkitan COVID-19 semasa saringan dijalankan.

Manakala, seramai **178 orang** kes atau yang dikesan adalah terdiri daripada individu yang telah diberikan arahan perintah kuarantin di pusat kuarantin yang telah disediakan. Mereka ini terdiri daripada 168 orang yang merupakan individu yang telah dikenalpasti sebagai kontak rapat kepada kes positif COVID-19, lima (5) orang individu yang baru balik dari kawasan berisiko tinggi (Import B) dan lima (5) orang adalah individu yang balik dari luar negara (Import A). Secara ringkas kes-kes ini terdiri daripada:

- I. 127 kes** merupakan saringan individu yang mempunyai kontak kepada kes positif COVID-19 (13 orang bergejala).
- II. 41 kes** merupakan saringan individu dalam kluster aktif sedia ada (tiada orang bergejala).

- III. 20 kes** merupakan lain-lain saringan di fasiliti kesihatan (4 orang bergejala).
- IV. 15 kes** merupakan saringan individu bergejala di fasiliti kesihatan.
- V. 5 kes** melibatkan individu yang balik dari negeri-negeri lain di dalam Malaysia yang dikategorikan sebagai kes Import B.
- VI. 5 kes** melibatkan individu yang balik dari luar negara (Import A) iaitu dari Papua New Guinea.

C. Kluster Baharu [Dua (2) Kluster Baharu]

Hari ini, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak telah mengisytiharkan dua (2) lagi kluster baharu di Daerah Miri dan Daerah Serian. Perincian kluster tersebut adalah seperti berikut:

I. Kluster Lorong Desa Senadin, Miri.

Kluster Senadin, Miri adalah satu kluster komuniti yang telah dikesan melibatkan sebuah pusat latihan maritim di Lorong Desa Senadin, Lutong di Daerah Miri, Sarawak. Indeks kes kepada kluster ini ialah kes ke-12,919 merupakan seorang pelatih di pusat latihan tersebut iaitu seorang lelaki warga tempatan (Sarawak) berumur 22 tahun yang telah dikesan melalui saringan individu bergejala pada 15 Mac 2021 di Hospital Miri. Indeks kes dipercayai telah mendapat jangkitan melalui kontak kasual dari komuniti antara 1 hingga 14 Mac 2021.

Setakat ini, kluster ini telah melibatkan dua buah daerah iaitu Daerah Miri dan Daerah Mukah. Hasil siasatan lanjut dan pengesanan kes secara aktif kepada kontak rapat dan kontak kasual, tambahan 29 kes baharu telah dikesan positif COVID-19. Sejumlah 173 individu telah disaring di mana:

- 30 kes positif COVID-19 termasuk kes indeks;
- 59 individu negatif; dan
- 84 kes masih menunggu keputusan.

Kesemua 30 orang kes positif COVID-19 telah dirujuk dan dimasukkan ke PKRC di Miri (29 orang) dan PKRC di Mukah (1 orang) bagi tujuan rawatan lanjut dan pengasingan.

II. Kluster Batu Gong, Serian.

Kluster Batu Gong, Serian adalah satu kluster komuniti yang telah dikesan melibatkan di sebuah penempatan Kampung Batu Gong, Daerah Kecil Siburan di Daerah Serian, Sarawak. Indeks kes kepada kluster ini adalah kes ke-14,157 merupakan seorang perempuan warga tempatan (Sarawak) berumur 46 tahun yang telah dikesan melalui saringan individu bergejala pada 19 Mac 2021 di Klinik Kesihatan Siburan. Kes yang bekerja sendiri ini berkemungkinan telah mendapat jangkitan melalui jangkitan komuniti. Jangkitan ini telah merebak kepada individu lain di kampung tersebut melalui pergaulan dan kontak rapat.

Hasil siasatan lanjut dan pengesanan kes secara aktif terhadap ahli keluarga, kontak rapat dan kontak kasual kepada indeks kes ini mendapati tambahan 49 orang kes positif COVID-19. Sejumlah 496 individu telah telah disaring di mana:

- 50 kes telah dikesan positif covid-19 termasuk kes indek;
- 146 kes adalah negatif dan
- 300 kes masih menunggu keputusan.

Kesemua 50 orang kes positif COVID-19 tersebut telah dirujuk ke Hospital Serian dan dimasukkan ke PKRC Serian bagi tujuan rawatan lanjut dan pengasingan.

D. Kluster Yang Masih Aktif.

Hari ini sebanyak **33 kluster** yang masih aktif. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **8 kluster** yang melaporkan terdapat penambahan kes. Manakala **25 kluster** lagi tidak ada penambahan kes.

E. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak

Hari ini, **Daerah Tanjung Manis telah kembali ke status Kuning daripada status Jingga** setelah merekodkan hanya sejumlah 19 kes jangkitan tempatan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Ini menjadikan jumlah daerah berstatus Kuning telah meningkat kepada 17 daerah dan daerah berstatus Jingga menurun kepada dua (2) daerah.

Manakala 12 daerah lain kekal berstatus Merah dan sembilan (9) daerah lain kekal berstatus Hijau.

2. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA

A. Pelanjutan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)

Setelah melihat dan menilai situasi kes positif di Sarawak masih tinggi, JPBN telah memutuskan untuk **MELANJUTKAN Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Sarawak, berkuatkuasa 30 Mac 2021 jam 12.01 pagi hingga 12 April 2021 jam 11.59 malam (14 hari).**

B. SOP Majlis Sosial (Pengebumian)

Memandangkan kebanyakan kes positif COVID-19 yang melibatkan majlis sosial (pengkebumian), anjuran majlis sosial (Pengebumian) harus melapor dan memaklumkan kepada Pejabat Daerah yang berdekatan serta mematuhi SOP yang ketat sebelum menjalankan upacara pengkebumian. Ketua Kaum dan Ketua Masyarakat juga dipohon untuk membantu menguatkuasakan SOP tersebut.

C. Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bagi Kampung Chupak, Serian

Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bagi **Kampung Chupak, Serian** berkuatkuasa mulai **25 Mac (12.01 pagi) hingga 07 April 2021 (11.59 malam).**

D. Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bagi Kampung Batu Gong, Serian.

Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bagi **Kampung Batu Gong, Serian** berkuatkuasa mulai **26 Mac (12.01 pagi) hingga 08 April 2021 (11.59 malam)**.

Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives
Jaga Sarawak, Intu Sarawak

SEKRETARIAT
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK
26 MAC 2021
5.00 PETANG

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Cumm. Positive Cases	14,963	ACTIVE CASES (Total Cases still in ward and under medical supervision)	2,629	17.32%	
New Cases	213	Cases in Intensive Care Unit (ICU)	14	0.09%	
Total Samples by Individu	558,175	Intubated Cases	22	0.14%	
Cumm. Positive Cases	15,176	Total COVID-19 Death Cases	101	0.67%	
IR per 100,000 population	491.94	Total Non-COVID-19 Death Cases	44	0.29%	
Lab. Results (PUI)	New	Cummulative	Recovered and discharged cases	12,351	81.39%
Negative	0	12,657	Patient Under Investigation (PUI)	New	Cummulative
PUI Pending Result	0	0		213	27,833

Current Status	SGH Kuching	Hospital & PKRC Sibul	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Limbang	Hospital Sarikei	Hospital & PKRC Kapit	PKRC Betong	PKRC Mukah	PKRC Serian	PKRC Lawas	PKRC Di Semuja	Hospital Sri Aman	PKRC Sipitang, Sabah	Hospital Sungai Buloh	TOTAL
ACTIVE CASES (Total Cases still in ward and under medical supervision)	250	620	406	558	4	147	108	69	21	155	2	237	52	0	0	2,629
Kes di Intensive Care Unit (ICU)	2	7	1	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	14
Intubated cases	1	15	2	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	22
Total COVID-19 Death Cases	20	65	8	6	0	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	101
Total Non-COVID-19 Death Cases	5	18	5	9	0	0	6	1	0	0	0	0	0	0	0	44
Recovered and discharged cases	New	19	72	48	49	0	5	28	25	1	2	0	0	1	0	250
	Cummulative	2,238	5,258	1,180	1,610	10	593	1036	322	21	28	1	0	50	1	12,351
Total re-admission cases (Re-tested Positive)	9	9	3	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	22
TOTAL NOT ADMITTED	3	4	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	8
TOTAL ADMISSION (Individu)	2,522	5,973	1,594	2,195	14	742	1,156	393	43	184	3	237	108	1	3	15,168

DAERAH MERAH (12)														
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian Bukan COVID-19		Kematian COVID-19		Jumlah kes yang masih dalam rawatan dan pengawasan perubatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Samarahan	11	949	11	355	4	277	0	0	0	5	72	82	72
2	Sri Aman	6	227	6	172	1	112	0	0	0	1	53	59	51
3	Song	0	262	0	327	14	310	0	1	0	2	14	54	54
4	Serian	23	757	23	518	3	130	0	0	0	0	388	401	159
5	Julau	8	260	8	263	2	209	0	0	0	2	52	101	101
6	Betong	0	633	0	464	23	391	1	2	0	1	70	98	98
7	Meradong	0	416	0	390	2	309	0	2	0	0	79	118	117
8	Kuching	23	10,754	23	1690	13	1,498	0	4	0	12	166	241	213
9	Kapit	14	881	14	770	14	677	0	6	0	2	84	132	130
10	Bintulu	46	1,824	46	1,408	47	1011	0	2	0	5	390	480	454
11	Miri	39	2,479	39	1,675	38	1,121	0	7	0	7	530	565	559
12	Sibu	35	5,397	35	5,156	72	4,478	0	13	0	55	590	611	591
Jumlah		205	24,839	205	13,188	233	10,523	1	37	0	92	2,488	2,942	2,599

Sumber: CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

DAERAH JINGGA (2)														
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian Bukan COVID-19		Kematian COVID-19		Jumlah kes yang masih dalam rawatan dan pengawasan perubatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
1	Subis	0	224	0	260	9	240	0	0	0	0	20	27	27
2	Sarikei	6	193	6	107	0	87	0	0	0	0	20	35	25
Jumlah		6	417	6	367	9	327	0	0	0	0	40	62	52

DAERAH KUNING (17)														
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian Bukan COVID-19		Kematian COVID-19		Jumlah kes yang masih dalam rawatan dan pengawasan perubatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Tanjung Manis	0	44	0	25	0	9	0	0	0	1	15	19	19
2	Beluru	0	209	0	234	0	226	0	1	0	0	7	7	6
3	Tebedu	1	16	1	15	0	8	0	0	0	0	6	7	7
4	Bau	0	334	0	116	1	111	0	0	0	0	5	8	5
5	Mukah	0	112	0	29	0	21	0	0	0	0	8	5	3
6	Selangau	0	81	0	107	0	100	0	0	0	1	6	9	8
7	Dalat	0	365	0	241	1	237	0	1	0	1	2	2	2
8	Limbang	1	59	1	24	0	18	0	1	0	1	4	6	5
9	Telang Usan	0	4	0	5	2	3	0	0	0	0	2	2	2
10	Kanowit	0	325	0	401	0	378	0	1	0	3	19	14	12
11	Belaga	0	20	0	12	1	10	0	1	0	0	1	2	2
12	Lundu	0	339	0	72	0	69	0	0	0	0	3	3	2
13	Bukit Mabong	0	43	0	70	0	59	0	0	0	0	11	17	17
14	Tatau	0	25	0	11	0	10	0	0	0	0	1	1	1
15	Pusa	0	25	0	17	0	17	0	0	0	0	0	1	1
16	Saratok	0	61	0	23	3	21	0	0	0	1	1	5	5
17	Sebauh	0	72	0	85	0	77	0	0	0	0	8	8	8
Jumlah		2	2,134	2	1,487	8	1,374	0	5	0	8	99	116	105

DAERAH HIJAU (9)														
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian Bukan COVID-19		Kematian COVID-19		Jumlah kes yang masih dalam rawatan dan pengawasan perubatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Asajaya	0	59	0	20	0	18	0	0	0	0	0	0	0
2	Marudi	0	16	0	2	0	2	0	0	0	0	0	0	0
3	Pakan	0	12	0	13	0	13	0	0	0	0	0	0	0
4	Matu	0	120	0	36	0	35	0	1	0	0	0	0	0
5	Lawas	0	42	0	23	0	21	0	0	0	0	2	2	0
6	Daro	0	67	0	6	0	5	0	1	0	0	0	0	0
7	Simunjan	0	76	0	15	0	14	0	0	0	1	0	0	0
8	Lubok Antu	0	47	0	18	0	18	0	0	0	0	0	0	0
9	Kabong	0	4	0	1	0	1	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		0	443	0	134	0	127	0	2	0	1	2	2	0

Jumlah Besar	213	27,833	213	15,176	250	12,351	1	44	0	101	2,629	3,122	2,756
---------------------	------------	---------------	------------	---------------	------------	---------------	----------	-----------	----------	------------	--------------	--------------	--------------

A. Status Kes COVID-19 Di Dalam Wad Hospital Dan Masih Di Bawah Pengawasan Perubatan (Kes Aktif)

Bilangan Kes Aktif Semasa

Fasiliti	Bilangan Kes Aktif
Hospital Sibu dan PKRC di Sibu	620
Hospital Miri dan PKRC di Miri	558
Hospital Bintulu dan PKRC di Bintulu	406
Hospital Umum Sarawak dan PKRC di Kuching	250
PKRC Depo Imigresen Semuja, Serian	237
PKRC Serian	155
Hospital Sarikei dan PKRC di Sarikei	147
Hospital Kapit dan PKRC di Kapit	108
Hospital Betong dan PKRC di Betong	69
Hospital Sri Aman dan PKRC di Sri Aman	52
PKRC Mukah	21
Hospital Limbang	4
PKRC Lawas	2
JUMLAH	2,629

B. Pecahan Kes Baharu Mengikut Daerah**RINGKASAN BILANGAN KES MENGIKUT KATEGORI PENGESANAN**

Daerah	Bilangan Kes Baharu	Kategori Kes Mengikut Pengesanan							Bilangan Kes Bergejala
		Kluster aktif sedia ada	Saringan Kontak kepada kes positif	Saringan Individu Bergejala	Survelan di fasiliti kesihatan	Kes Import		Lain-lain Saringan	
						Import A	Import B		
Bintulu	46	Jalan Tanjung=2	43	1	0	0	0	0	9
Miri	39	Jalan Merpati=2 Lorong Desa Senadin=1	29	3	0	0	0	4	3
Sibu	35	Jalan Merpati=2 Jalan Sanyan=2	21	3	0	0	0	7	3
Serian	23	Batu Gong=20 Chupak=3	0	0	0	0	0	0	
Kuching	23	0	1	4	0	5	5	8	7
Kapit	14	Gelong=8	6	0	0	0	0	0	
Samarahan	11	0	8	3	0	0	0	0	7
Julau	8	0	8	0	0	0	0	0	
Sarikei	6	Tanjung Genting=1	4	0	0	0	0	1	
Sri Aman	6	0	5	1	0	0	0	0	1
Tebedu	1	0	1	0	0	0	0	0	
Limbang	1	0	1	0	0	0	0	0	1
JUMLAH	213	41	127	15	0	5	5	20	31

2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **460** *Person Under Surveillance* (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **93 buah hotel dan SC Bukan Hotel** adalah seramai **5,952 orang**. Manakala seramai **79,604 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 26.03.2021 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (2,070)	Hock Lee	105
2		Grand Dormani	47
3		Kuching Park	107
4		Pullman	240
5		Hilton	117
6		Harbour View	153
7		Riverside (Astana Wing)	159
8		Grand Margherita	189
9		Imperial Boulevard	225
10		Tune Hotel	86
11		Dormani Hotel	50
12		Grand Continental	217
13		Meritin	44
14		Longhouse	72
15		Abell	52
16		Lot 10	42
17		Telang Usan	40
18		Imperial Riverbank	58
19		Kingwood	67
20	Miri (727)	Mega Hotel	55
21		Somerset	30
22		Imperial Palace	130
23		Imperial New Wing	142
24		Paragon	19
25		Meritz	86
26		Miri	20

27		Dynasty	91
28		Kenyalang Suite	5
29		Citi Hotel	20
30		Nova	16
31		Emart Hotel	113
32	Bintulu (2,218)	Utama Inn	38
33		Fairfield by Marriot	120
34		Kidurong Inn	75
35		Motel Kapok	110
36		Faber Inn	38
37		AA Inn	23
38		Ambassador	62
39		Kemena Inn	22
40		Green	62
41		Kemena Plaza	201
42		4orty Inn	30
43		Lengkap Inn	53
44		Studio Inn	91
45		Moonstar Inn	32
46		Parkcity Garden	39
47		Mega Inn	39
48		Kriss Lodge	48
49		Centre Inn	24
50		Welcome Inn	15
51		Parkcity Garden 2	107
52		Lucky 5 Inn	38
53		900 Inn	32
54		New World Suite	63
55		Golden Bay	12
56		Kemena Resort	229
57		Inn 86	33
58		Sunlight Inn	23
59		Hover Hotel	71
60		Royal Hotel	31
61		Ocean Inn	23

62		Best Lodge	22
63		H5 Inn	50
64		DK Value Inn	39
65		Li Hua	101
66		Grand Faber Inn	58
67		JC Mark Hotel	19
68		186 Inn	18
69		Riverfront	63
70		682 Inn	26
71		Sir Inn	38
72	Limbang (156)	Purnama	30
73		Mandarin (Lawas)	27
74		Shangsan (Lawas)	35
75		Seri Malaysia (Lawas)	64
76	Sibu (263)	Premier	154
77		Kawan	91
78		Sarawak	18
79	Samarahan (182)	INFRA	61
80		Kolej Rafflesia, UNIMAS	77
81		UiTM Samarahan	44
82	Sarikei (129)	Garden Hotel	59
83		Dragon	70
84	Betong (61)	Mega Inn	19
85		Medan Inn	9
86		Victoria Inn	6
87		Asia Inn	13
88		Homestay Betong	12
89		Victoria Inn 2	2
90	Serian (46)	Transit Inn	46
91	Mukah (79)	Kingwood	74
92		UiTM Mukah	5
93	Sri Aman (21)	Good View	21
Jumlah PUS			5,952

3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Hari ini, sebanyak **12 lokasi di Kuching (4), Sarikei (3), Samarahan (1), Betong (1), Bintulu (1), Miri (1) dan Limbang (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **3,380 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 26.03.2021 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	OPERASI SEMASA	OPERASI TERKUMPUL
1	Kuching	4	929
2	Miri	1	680
3	Sibu	TIADA	368
4	Sarikei	3	305
5	Samarahan	1	207
6	Kapit	TIADA	192
7	Bintulu	1	171
8	Serian	TIADA	131
9	Limbang	1	114
10	Mukah	TIADA	104
11	Betong	1	105
12	Sri Aman	TIADA	74
Jumlah Keseluruhan			3,380

4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Hari ini, sebanyak **49 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 26.03.2021 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	MP Padawan	3
2	MD Serian	3
3	SMC	10
4	MCC	15
5	MD Marudi	6
6	MD Subis	4
7	MD Lawas	8
Jumlah		49

5. LOKASI DAN MASA KES POSITIF DILAPORKAN

(Data sehingga 26.03.2021 @ 3.00 petang)

DAERAH KUCHING

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Emart Matang	Social activity-Customer	12, 15 & 21.03.2021	10.00 am - 2.00 pm
Char Kway Teow Tapak Kuning, Jalan Satok	Eatery	12.03.2021	5.30 pm - 6.00 pm
Boon Seng Seafood Industries, Pending	Social activity-Customer	14.03.2021	7.30 am - 8.00 am
2nd Hand Trader, Batu Kawa	Social activity-Customer	16.03.2021	2.00 pm - 2.30 pm
Aeon Mall	Social activity-Customer	17 & 18.03.2021	11.00 am - 3.00 pm
Yoshi Convenient Store, Pending	Social activity-Customer	17.03.2021	1.30 pm - 2.00 pm
Mcdonald Satok Kuching	Eatery	17.03.2021	3.30 pm - 4.00 pm
Seoul Garden Viva City Megamall	Social activity-Customer	17.03.2021	12.30 pm - 1.00 pm
Chicking Eating House, Jalan Song	Eatery	18.03.2021	6.30 pm - 7.30 pm
Tuk Tuk Viva City	Social activity-Customer	18.03.2021	1.00 pm - 1.30 pm
Mee Kolok Sarawak, Café Dapor Yunie	Eatery	20.03.2021	1.30 pm - 2.00 pm
Mydin Vista (Wija Pharma, Watsons, Fata)	Social activity-Customer	20.03.2021	12.00 pm - 1.00 pm
Royal Mango Shake Telaga Air	Eatery	21.03.2021	2.00 pm - 2.20 pm
Molly Fantasy Aeon Mall	Social activity-Customer	21.03.2021	5.00 pm - 5.30 pm
Aeon Shopping Mall	Social activity-Customer	21.03.2021	5.00 pm - 6.00 pm
Cuties Pet Shop Jalan Astana	Social activity-Customer	22.03.2021	2.20 pm - 2.45 pm
Pure Fish Ball Café, Padungan	Eatery	22.03.2021	1.00 pm - 1.45 pm

DAERAH SAMARAHAN

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Easy Drink Easy Go, Summer Mall	Workplace	17, 18 & 19.03.2021	8.00 am - 10.00 pm
		20.03.2021	11.00 am - 3.00 pm
Everwin Kota Samarahan	Social activity-Customer	17.03.2021	4.00 pm - 4.30 pm
Siang Siang Corner, Desa Ilmu	Social activity-Customer	18.03.2021	11.20 am - 12.00 pm
Aiman Mall, Samarahan	Social activity-Customer	19.03.2021	5.00 pm - 7.00 pm
Everwin Kota Samarahan	Social activity-Customer	23.03.2021	2.30 pm - 3.30 pm
Kedai Runcit 4beradik	Social activity-Customer	23.03.2021	5.40 pm - 6.00 pm

DAERAH SARIKEI

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Jabatan Pendaftaran Negara, Sarikei	Workplace	08 - 18.03.2021	8.00 am - 5.00 pm
Tai Tong Hong Trading Co, Sarikei	Social activity-Customer	13.03.2021	12.38 pm - 1.00 pm
TK Hardware, Jln Masjid Lama, Sarikei	Social activity-Customer	13.03.2021	5.44 pm - 6.15 pm
Yi Garden, Jln Repok, Sarikei	Eatery	13.03.2021	8.01 pm - 9.00 pm
Balai Polis Sarikei	Social activity-Customer	14.03.2021	12.02 pm - 12.20 pm
Suka Hati Steamboat Restaurant, Jalan Nenas, Sarikei	Eatery	14.03.2021	6.12 pm - 7.10 pm
		14.03.2021	12.17 pm - 1.20 pm
Aifah Electrical & General Trading, Sarikei	Social activity-Customer	15.03.2021	10.30 am - 11.00 am
Dr Sylvia Yii Clinic, Sarikei	Social activity-Customer	15.03.2021	8.52 am - 9.30 am
Pizza Hut Delivery, Sarikei	Eatery	15.03.2021	4.33 pm - 5.00 pm
7 Eleven Malaysia, Sarikei	Social activity-Customer	15.03.2021	8.59 pm - 9.10 pm
		19.03.2021	4.45 pm - 5.00 pm
100 % Supertsore (2008), Sarikei	Social activity-Customer	20.03.2021	3.58 pm - 4.20 pm
Kafe Haji Hambali, Sarikei	Eatery	20.03.2021	9.43 am - 10.30 am
Red Bundle, Jln Nenas, Sarikei	Social activity-Customer	21.03.2021	5.21 pm - 5.50 pm

DAERAH SIBU

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Eljo Restaurant Sdn Bhd	Eatery	11.03.2021	7.41 am - 8.35 am
Everwin Sanyan	Social activity-Customer	11.03.2021	1.44 pm - 2.10 pm
Lea Sports Centre Wisma Sanyan	Social activity-Customer	12.03.2021	1.09 pm - 1.25 pm
Emas Corner 2002	Eatery	12.03.2021	12.37 pm - 1.10 pm
The Kitchen BBQ Steamboat	Eatery	12.03.2021	8.08 pm - 9.00 pm
Lian Kiaw Café	Eatery	13.03.2021	3.16 pm - 4.00 pm
		17.03.2021	12.36 pm - 1.20 pm
Jiali Café	Eatery	14.03.2021	6.53 pm - 7.40 pm
Café Café	Eatery	15.03.2021	12.26 pm - 1.15 pm
Lakeside Court Permai	Eatery	15.03.2021	8.41 pm - 9.30 pm
Jun Rong Economy Market Sdn Bhd	Social activity-Customer	15.03.2021	1.38 pm - 2.00 pm
O2 Fitness & Gym	Social activity-Customer	15.03.2021	6.08 pm - 7.15 pm
Ameer Mz Corner	Eatery	16.03.2021	10.48 am - 11.30 am
Guardian Wisma Sanyan	Social activity-Customer	17.03.2021	1.34 pm - 1.55 pm
Sibu Central Market	Social activity-Customer	17.03.2021	8.04 am - 8.30 am
KFC Sibu	Eatery	17.03.2021	12.42 pm - 1.25 pm
Star One Café	Eatery	17.03.2021	12.30 pm - 1.25 pm
Lings Corner	Eatery	17.03.2021	8.38 am - 9.20 am
Hong Yuan Café	Eatery	18.03.2021	2.13 pm - 3.00 pm
Happiness 2010 Nasi Ayam dan Café	Eatery	19.03.2021	8.06 am - 8.45 am
KFC Wisma Sanyan	Eatery	19.03.2021	11.11 am - 1.45 pm
Joy Food Court	Eatery	19.03.2021	8.02 am - 8.45 am
Best Harvest Café	Eatery	19.03.2021	9.16 am - 10.00 am
Parkson Sibu	Social activity-Customer	20.03.2021	11.43 am - 12.30 pm

Sarawak House Sdn Bhd	Social activity-Customer	20.03.2021	1.52 pm - 2.30 pm
101 Food Court No.15&17	Eatery	20.03.2021	10.55 am - 11.40 am
Ying Siang Corner	Eatery	20.03.2021	6.35 pm - 7.15 pm
Star Mega Mall	Social activity-Customer	21.03.2021	1.00 pm - 1.30 pm
Jia Jia Lok Food Corner	Eatery	21.03.2021	9.51 am - 10.30 am
Yalin Coffee Shop	Eatery	22.03.2021	12.47 pm - 1.25 pm
Aloha Corner Sdn Bhd	Eatery	22.03.2021	9.31 am - 10.15 am
Ah Hoe Mee Sapi Nasi Ayam	Eatery	22.03.2021	11.22 am - 12.15 pm
Nasi Ayam Singapura (New)	Eatery	23.03.2021	12.54 pm - 1.35 pm
Lot 10 Café	Eatery	24.03.2021	12.39 pm - 1.20 pm

DAERAH KAPIT

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Sng Ee Hoe Café	Social activity-Customer	01.03.2021	9.00 am - 11.00 am
Spring Café	Social activity-Customer	10.03.2021	9.00 am - 10.00 am

DAERAH BINTULU

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
MDS Mart Medan	Social activity-Customer	18.03.2021	10.30 am - 11.00 am
SCR Medan Jaya	Eatery	18.03.2021	11.30 am - 12.05 pm
Famous Pelita	Eatery	19.03.2021	12.05 pm - 12.45 pm
Al Madina	Eatery	19.03.2021	10.30 am - 11.00 am
Kaya & Toast Parkcity	Eatery	20.03.2021	9.05 am - 9.30 am
Watson The Spring	Social activity-Customer	20.03.2021	10.30 am - 11.45 am
Guardian The Spring	Social activity-Customer	20.03.2021	10.30 am - 11.45 am
Parkson The Spring	Social activity-Customer	20.03.2021	10.30 am - 11.45 am

Potato Story The Spring	Social activity-Customer	20.03.2021	10.30 am - 11.45 am
Farley Medan	Social activity-Customer	20.03.2021	12.05 pm - 12.30 pm
Watson Medan Jaya	Social activity-Customer	20.03.2021	4.06 pm - 4.35 pm
Dapo Bonda	Eatery	21.03.2021	9.30 am - 10.00 am
Econsave Paragon	Social activity-Customer	21.03.2021	10.15 am - 10.45 am
J&J Bakery	Social activity-Customer	21.03.2021	11.05 am - 11.15 am

DAERAH MIRI

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Aoki Japanese Restaurant, Lorong Caltha	Eatery	12.03.2021	12.20 pm - 1.00 pm
Sembang2 Kafe, Jalan Ansellia	Eatery	13.03.2021	8.45 pm - 9.15 pm
One Food Street, Jalan Kampung Pengkalan	Eatery	13.03.2021	10.25 am - 10.50 am
Tremendous Café, Jalan Miri Pujut	Eatery	15.03.2021	4.35 pm - 5.00 pm
Sha Sha Restaurant, Bintang Megamall	Eatery	15.03.2021	10.40 am - 11.10 am
Restaurant Ayam Penyet Ria, Waterfront Commercial Centre	Eatery	16.03.2021	12.05 pm - 12.30 pm
New Yong Seng Café, Jalan Dato Permaisuri 5	Eatery	17.03.2021	11.50 am - 12.30 pm
Restoran D'klate, Jalan Ilmu	Eatery	18.03.2021	7.15 pm - 7.45 pm
Southern Cake Shop, Jalan Dato Permaisuri 5	Social activity-Customer	19.03.2021	11.25 am - 11.35 am
Wang Xiang Fresh Fast Food, Jalan Astana	Eatery	19.03.2021	7.45 am - 8.15 am
Elevate Fitness, Jalan Riam	Social activity-Customer	19.03.2021	7.20 pm - 8.20 pm
Restaurant Muara, Jalan North Yu Seng	Eatery	23.03.2021	3.55 pm - 4.30 pm